

13/01/1997

PM perkenal MSC kepada pelabur AS

Mustapha Omar in Los Angeles

LOS ANGELES, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba di sini petang esok bagi lawatan kerja seminggu untuk memperkenalkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada pelabur Amerika Syarikat.

Sepanjang lawatan berkenaan, Perdana Menteri akan menemui beberapa tokoh industri teknologi maklumat (IT) negara ini serta mempengerusikan mesyuarat pertama panel penasihat antarabangsa (IAP) MSC.

Panel yang membabitkan pakar antarabangsa dalam bidang berita, multimedia, teknologi maklumat, hiburan dan pelbagai bidang lain itu dibentuk bagi mendapatkan nasihat, selain membantu Malaysia menyediakan prasarana sewajarnya.

Bulan lalu, Dr Mahathir mengumumkan Bill Gates, pengasas dan pemilik syarikat pengeluar perisian komputer terbesar dunia, Microsoft Corporation, sudah menyatakan persetujuan untuk menganggotai panel berkenaan.

Difahamkan, antara tokoh lain yang dipilih menganggotai panel itu ialah Jim Clark dari Netscape, Noboro Miyawaki (NTT), Prof William Miller (Universiti Stanford), Dr Kenichi Ohmae (Ohmae & Associates), Eckhard Pfeiffer (Compaq), Stan Shih (Acer) dan Lewis Platt (Hewlett Packard).

Perdana Menteri dijangka mengumumkan senarai penuh panel IAP itu pada mesyuarat yang akan diadakan di Universiti Stanford, Palo Alto, Lembah Silikon dekat San Francisco, Khamis ini.

Perwakilan Malaysia yang dijangka turut sama dalam mesyuarat itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Othman Yeop Abdullah.

MSC yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC), merangkumi kawasan seluas 750 kilometer persegi dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Antara ciri utama MSC ialah rangkaian gentian optik 100 peratus digital berkeupayaan antara 2.5GB hingga 10GB, yang disambungkan terus dengan negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Ia juga menawarkan perhubungan melalui satelit dan pembentukan sistem rangkaian padu dihubung terus ke Internet. Turut dibangunkan dalam MSC ialah bandar Putrajaya.

Perdana Menteri dan rombongan akan melawat beberapa tempat serta menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) membabitkan syarikat Malaysia dan Amerika Syarikat.

Antara tempat yang akan dikunjunginya ialah Studio Todd-AO yang terbabit dalam penerbitan filem animasi berkomputer dan Greystone Mansion yang dicadangkan sebagai tempat Forum Perniagaan Asia Pasifik.

Selain itu, Dr Mahathir juga akan menyaksikan majlis menandatangani MOU membabitkan anak syarikat Kumpulan KUB, KUB IT Sdn Bhd dengan SAIC Corporation.

Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan pelajar dan masyarakat Malaysia di California, sebelum menyertai majlis terbuka puasa di Masjid al-Khatib.

Pada hari berikutnya, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan bertajuk 'Media Baru dan Asia' kepada tokoh masyarakat dan industri hiburan Beverly Hills.

Perdana Menteri dan rombongan juga akan melawat Lembah Silikon dan Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan mengenai MSC kepada pelabur tempatan di

Universiti Stanford.

(END)